

ELEMEN MORFOLOGI DAN PEMBENTUKAN STRUKTUR DALAM AYAT ASAS KATA BANTU RAGAM PERANCIS-MELAYU

Mohd Nor Azan bin Abdullah¹
Mohd Yusof Abdullah²
Universiti Malaysia Sabah¹
Kolej Universiti Islam Melaka²

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada perbandingan elemen morfologi dan konstruksi struktur kata bantu ragam dalam ayat asas antara bahasa Perancis yang berasal daripada rumpun Indo-Eropah dengan bahasa Melayu yang beribukan rumpun Austronesia. Kedua-dua bahasa daripada induk bahasa yang berlainan 'mungkin' memperlihatkan perbezaan dan persamaan struktur asas sintaksis berdasarkan elemen linguistik kata bantu ragam, khususnya dalam pembinaan ayat mudah. Metodologi kajian ialah kajian perpustakaan berdasarkan dokumen tatabahasa bagi kedua-dua bahasa. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya persamaan dan perbezaan konstruksi penggunaan kata bantu ragam tersebut. Contohnya <Il peut chanter [Subjek+kata bantu ragam+kata kerja] > yang membawa maksud <Dia boleh menyanyi [Subjek + kata bantu ragam + kata kerja] >. Dalam contoh tersebut, kedua-dua struktur ayat kata bantu ragam "Pouvoir=Boleh" yang membawa maksud berkeupayaan, mempunyai struktur binaan golongan kata yang sama akan tetapi elemen linguistik yang membentuk sintaksis adalah mengikut sistem morfologi fleksi merujuk kala waktu, gender, jamak atau tunggal serta mempunyai makna gramatikal bagi bahasa Perancis. Bahasa fleksi memiliki morfologi yang sangat unik dan kompleks. Kata bantu ragam < pouvoir > mempunyai tiga elemen radikal iaitu < peu, pou dan peuv > akan mengalami penambahan elemen akhiran mengikut kata ganti nama yang diwakilinya seperti dalam contoh yang diberikan < il [kata ganti nama diri ketiga dan tunggal] peut ['peu' kata radikal dan ditambah sufiks 't' merujuk subjek kata ganti nama diri ketiga serta diikuti dengan kata kerja infiniti "chanter" iaitu kata kerja asal yang tidak dikonjugasi mengikut subjek. Elemen morfologi "me" bagi bahasa aglutinasi "menyanyi" yang menyusuli kata bantu ragam, menerbitkan kata kerja derivasi sebagai pelengkap kepada ayat kata bantu ragam. Kata kerja yang terletak di belakang kata bantu ragam bertujuan menerangkan perlakuan pada kata kerja tersebut. "boleh menyanyi" bermakna berkeupayaan untuk menyanyi. Kepentingan kajian ini akan memberikan pengetahuan tatabahasa kata bantu ragam bagi kedua-dua bahasa tersebut.

Kata Kunci: Perbandingan, Struktur, Morfologi, Kata Bantu Ragam, Perancis-Melayu.

MORPHOLOGICAL ELEMENTS AND THE STRUCTURE OF THE SYNTACTIC FORMATION USING MODAL AUXILIARY VERBS IN FRENCH AND MALAY LANGUAGE

Abstract

This study focuses on the comparison of the morphological elements and the modal auxiliary structure in the construction of basic sentences between the French language derived from Indo-European family languages and the Malay as a Austronesian family languages. This two languages which come from different family may show differences and similarities in

basic syntactic structures based on linguistic elements of the auxiliary verbs, particularly in the construction of simple sentences. The research methodology is a library study based on grammatical documents for both languages. The findings show that there are similarities and differences in the use of auxiliary verb. For example < Il peut chanter (He can sing) [Subject + modal auxiliary + verb] > which means < Dia boleh menyanyi [Subject + modal auxiliary + verb] >. Based on the example given, both sentences are constructed by auxiliary sentence structures "Pouvoir = Boleh" which means capable, sharing the same word structure but the linguistic elements that make up the syntax are according to the morphological system of flexion referring to the tense, gender, plural or singular as well as having grammatical meanings for the French language, thus connoting that it is a flexible language. Flexible languages have a unique and complex morphology. The auxiliary pronoun <pouvoir> has three radical elements namely < peu, pou and peuv > which will undergo the addition of suffix elements according to the pronouns they represent as in the example given < il [third and singular personal pronouns], peut ['peu' the radical word and the suffix 't' refer to the subject of the third personal pronoun and is followed by the infinitive verb "chanter" which is The original verb that is not conjugated by subject. The morphological element "me" in "menyanyi" for the agglutination language "sings" which follows the auxiliary verb, derives the derivation verb as a complement to the auxiliary verb sentence. The verb located behind the auxiliary verb aims to describe the action of the verb. "boleh menyanyi" means the ability to sing. The importance of this study will provide grammatical knowledge of the auxiliary verb for both languages.

Keywords: Comparison, Structure, Morphology, Modal Auxiliary, French-Malay

PENGENALAN

Bahasa Perancis merupakan bahasa ibu Indo-Eropah di bawah rumpun Latin. Ia dituturkan di Perancis, Switzerland, Canada, Afrika Utara, Laos, Kemboja, Vietnam dan beberapa buah negara lain. Bahasa Melayu merupakan bahasa daripada rumpun Austronesia, dituturkan oleh penduduk yang menghuni di zon geografi meliputi Madagaskar, Sri Lanka, Segenting Kra, Tanah Malaysia, Brunei dan penghuni di kepulauan Nusantara yang merangkumi pulau-pulau Indonesia, Singapura dan beberapa buah kepulauan lain di Asia Tenggara. Kegemilangan Bahasa Melayu digambarkan oleh Francois Valentijn "Oud en Nieuw Oost-Indiën - Old and New East-India" (1724-1726) sebuah buku tentang sejarah "Dutch East India Company dan negara-negara Timur Jauh". Bahawa bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut akan tetapi digunakan di seluruh Kepulauan Malaynesia sebagai satu bahasa yang difahami oleh setiap orang setara dengan bahasa latin yang dituturkan di Eropah pada abad kegemilangan bahasa Latin tersebut (Tatabahasa Dewan, 2009: 15). Walaupun dua bahasa tersebut berasal daripada rumpun bahasa yang berbeza namun kepentingan pertuturannya sebagai bahasa lingua franca membolehkan penulis melihat persamaan dan perbezaan struktur dan elemen linguistik kata bantu ragam bagi kedua-dua bahasa tersebut. Perbezaan rumpun bahasa, sudah tentu akan ada perbezaan dan persamaan daripada segi arkitektur struktur ayatnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menyenaraikan beberapa struktur binaan elemen linguistik dalam binaan ayat asas dengan menggunakan kata bantu ragam bagi kedua-dua bahasa Perancis-Melayu. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan perbezaan dan persamaan penggunaan elemen linguistik bagi kedua-dua bahasa tersebut. Penulis juga memperjelaskan kategori kata bantu yang memperkuat makna ayat asas.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah bersifat kualitatif. Kajian perpustakaan digunakan iaitu dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut untuk melengkapkan bahan kajian. Limitasi kajian hanya bertumpu kepada struktur dan elemen morfologi kata bantu ragam Perancis-Melayu.

Penulis menggunakan kaedah linguistik perbandingan dalam mengenal pasti pola atau pembinaan struktur verbal kata ragam dalam ayat asas antara bahasa Perancis dan Melayu. Ia bertujuan untuk memperlihatkan persamaan konstruksi elemen morfologi linguistik atau sebaliknya. Penelitian sedemikian akan memudahkan pemahaman pembinaan ayat kata bantu ragam terhadap kedua-dua bahasa tersebut yang datangnya dari keluarga bahasa yang berbeza.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa penulisan ilmiah berkaitan dengan kata bantu yang mana kata bantu merupakan kata tugas yang hadir dalam ayat untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis, maka kata bantu merupakan salah satu jenis kata tugas. Kata bantu yang hanya hadir sebelum frasa bertugas membantu frasa kerja. Kata bantu juga dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam (Tatabahasa Dewan: 258). Penulis memilih kata bantu ragam untuk dibandingkan bahasa Perancis dengan bahasa Melayu. Menurut Tatabahasa Dewan, kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menerangkan bentuk perasaan yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan. Contoh kata bantu tersebut seperti *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut dan mungkin*.

Kata bantu ragam digunakan di depan kata kerja inti jenis aktif tak transitif untuk menerangkan perlakuan pada kata kerja yang berkenaan dengan menurut makna yang terkandung dalamnya untuk membawa makna ragam yang bersabit dengan kata kerja dalam predikat ayat (Ismail bin Dahaman: 456). Menurutnya lagi, kata bantu ragam dapat memperjelaskan 6 jenis makna iaitu *kehendak perlakuan, keupayaan perlakuan, kemestian atau keperluan, kemungkinan perlakuan, keengganan perlakuan dan kepastian perlakuan*.

Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia, membincangkan kata bantu dalam hubungan dengan verba yang berhubung kait dengan frasa endosentrik atributif dan menyebutnya sebagai penerang depan kerana digunakan sebelum unsur inti. Binaan endosentrik ialah binaan keseluruhan frasa dalam rangkaian perkataan tidak boleh digugurkan dan penting agar binaan ayat tersebut gramatis (Hasan Alwi: 332).

Kata bantu ragam dalam bahasa Perancis dikenali sebagai *verbe modal*. Kata bantu ragam dituruti dengan kata kerja asal yang tidak dikonjugasi, menerangkan ragam logik. Subjek mengesahkan perbuatan melalui kata kerja yang membawa makna *keperluan, kemungkinan, keupayaan dan kemestian*.

Kata bantu *pouvoir* (boleh) dan *devoir* (mesti) menegaskan dua makna iaitu *kemungkinan dan kemestian*. *Pouvoir* menjelaskan *kebolehan fizikal dan intelektual serta kebenaran yang diberikan* (Vous ne pouvez pas descendre du train = Anda tidak boleh turun dari kereta api). Kata kerja *vouloir*

memberikan makna *kemahuan* dituruti pola kata kerja kedua atau kata nama dalam ayat asas.

Dalam kajian perbandingan kata bantu ragam antara bahasa Perancis dan Melayu, merupakan kajian yang belum lagi dilaksanakan oleh mana-mana penulis. Oleh yang demikian kajian perbandingan ini akan dapat membantu memperlihatkan perbezaan dan persamaan antara kata bantu ragam bagi kedua-dua bahasa yang dikaji. Memandangkan bahasa Perancis merupakan bahasa Latin yang bersifat fleksi dan bergender maskulin dan feminin, berbeza dengan bahasa Austronesia yang bersifat aglutinatif maka kajian ini dapat membantu pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Malaysia dan sebaliknya.

Linguistik perbandingan merupakan salah satu cabang linguistik bahasa yang mengkaji pertalian antara bahasa. Kajian perbandingan meliputi kajian persamaan dan perbezaan unsur-unsur linguistik bahasa. Perbandingan tatabahasa dikaji bagi memperlihatkan perbezaan atau persamaan terutama perkaitan antara bahasa yang dikaji. (Jean Dubois *et al.*, 2002). Kajian perbandingan bahasa lahir di Jerman pada abad ke-19. Para linguist membuat perbandingan kata-kata dengan persejajaran bentuk bunyi yang terdapat dalam bahasa-bahasa tersebut (Abdullah Hassan: 2007). Penulis tidak mengkaji perbandingan kata-kata dengan persejajaran bentuk bunyi akan tetapi meneliti pola kata bantu ragam bahasa melalui perbandingan antara dua bahasa.

KATA KERJA RAGAM PERANCIS MELAYU

Perbandingan kata bantu ragam antara bahasa Perancis-Melayu. Struktur pola ayat kata bantu ragam yang mana kata kerja merupakan penerang kata bantu dan subjek ayat. Subjek ayat merupakan pelaku kepada kata bantu dan kata kerja yang menuruti kata bantu tersebut.¹

Jadual 1: Kata Bantu Ragam

KATA BANTU RAGAM (KBR)				
Kebarangkalian	Kata Bantu		Ayat	Struktur ayat: Kata Bantu Ragam Inti + Kata Kerja
	Perancis	Melayu		
	<i>Pouvoir</i>	<i>Boleh</i>	<i>Il peut chanter.</i>	<i>Peut + chanter</i> <i>KBR + kata kerja asal.</i>
			<i>Dia boleh menyanyi.</i>	<i>Boleh + menyanyi</i> <i>KBR + Kata kerja asal</i>
Kebenaran			<i>Est-ce que je peux poser la question ?</i>	<i>Peux+ Poser + la question</i> <i>KBR + Kata Kerja Asal + Kata nama</i>
			<i>Adakah saya boleh menanyakan soalan?</i>	<i>Boleh + menanyakan + soalan</i> <i>KBR + Kata kerja asal + kata nama</i>
Kemestian	<i>Devoir</i>	<i>Mesti</i>	<i>Il doit chanter.</i>	<i>Doit+ chanter</i> <i>KBR + kata kerja asal.</i>
			<i>Saya mesti menyanyi.</i>	<i>Mesti + menyanyi</i> <i>KBR + Kata kerja asal.</i>
Kemahuan	<i>Vouloir</i>	<i>Hendak</i>	<i>Il veut chanter.</i>	<i>veut + chanter</i> <i>KBR + kata kerja asal</i>
			<i>Saya mahu menyanyi.</i>	<i>Mahu + menyanyi</i> <i>KBR + kata kerja asal.</i>

¹ Dictionnaire de linguistique, 2002, Larousse, p 305.

<i>Keperluan</i>	<i>falloir</i>	<i>Harus</i>	Il faut rester (Il: subjek tidak merujuk kepada manusia atau benda. Ia bersifat impersonal. Perlakuan tanpa subjek tentu. Boleh ditakrifkan dengan makna: <i>Adalah perlu atau seharusnya</i> . Il faut rester. (Seseorang harus tinggal) ² .	<i>Faut + rester</i> <i>KBR + kata kerja asal</i>
------------------	----------------	--------------	--	--

Struktur kata bantu ragam dalam ayat asas antara bahasa Perancis dan Melayu adalah sama. Struktur tersebut mempunyai pola binaan morfologi linguistik seperti *Subjek + Kata bantu ragam + Kata kerja*. Bahasa Melayu mempunyai lebih banyak kata bantu ragam berbanding dengan bahasa Perancis. Untuk mengesahkan pernyataan ini rajah 2 menunjukkan jumlah kata bantu ragam Perancis dan Melayu.

Kata bantu ragam bahasa Melayu iaitu ‘mahu dan hendak’ merujuk kepada kata bantu yang membawa maksud semantik yang sama dengan kata bantu bahasa Perancis ‘vouloir’ manakala kata bantu ‘ingin’ juga semaksud dengan kata bantu ‘vouloir’ dalam bahasa Perancis dengan sedikit penekanan kepada pernyataan dalam situasi permintaan sesuatu kemahuan tanpa paksaan. Misalnya: *Je voudrais* acheter un kilo de riz = Saya *ingin* membeli sekilo beras.

Dalam bahasa Perancis *Je voudrais* membawa maksud dasarnya: *Saya hendak membeli = Je veut acheter*. Penggunaan *Je Voudrais* merujuk kehendak kepada sesuatu dengan menggunakan mood kondisional sebagai bahasa yang sopan untuk meminta sesuatu di Perancis.

Contoh mood kondisional dengan menggunakan beberapa kata ganti nama:

Je voudrais acheter = Saya ingin membeli; *Il voudrais* acheter = Dia (lelaki) ingin membeli; *Elle voudrait* acheter = Dia (perempuan) ingin membeli. *Nous voudrions* acheter = Kami ingin membeli.

Salah satu kata akar bagi kata bantu *Vouloir* adalah **Vou** dan diikuti dengan elemen tatabahasa mengikut kata ganti nama dalam bahasa Perancis:

Je vou – d- rais = *Saya hendak* atau *Saya ingin*, **Il vou -d- rait** = **Dia hendak** atau *Dia ingin* dan **Nous vou -d- rions** = **Kami hendak** atau *Kami ingin*. Elemen tatabahasa fleksi berikut ‘-d-rais, -d-rait, -d-rions’ untuk bahasa Perancis adalah merujuk kepada kata ganti nama kala kini kondisional yang mana dalam bahasa Melayu kata ganti nama tidak mempengaruhi perubahan elemen elemen tatabahasa kata bantu yang disesuaikan dengan kata ganti nama kerana bahasa Melayu bukan merupakan bahasa fleksi. Contoh diberikan seperti di bawah.


Kami	hendak	}	Kata bantu bersifat homogen (hendak) bagi setiap kata ganti nama
Dia	hendak		
Saya	hendak		
Awak	hendak		
Mereka	hendak		

² Kamus Perancis-Melayu, 2001, Dewan Bahasa dan Pustaka, p 262

Kata ganti nama bahasa Melayu

Nous	<i>voudrions</i>	} Kata bantu bersifat fleksi mengikut kata ganti nama
Il	<i>voudrait</i>	
Je	<i>voudrais</i>	
Tu	<i>voudrais</i>	
Vous	<i>voudriez</i>	
Ils	<i>voudraient</i>	

Kata ganti nama bahasa Perancis



* falloir (verbe impersonnel)

Rajah 2 : Kata bantu ragam Perancis-Melayu
 Sumber : Mohd Nor Azan Abdullah (2013)

Jadual 2: Perbandingan Jumlah Kata Bantu Ragam Perancis-Melayu dan Makna Kata Bantu Ragam Bahasa Perancis

Kata Bantu Ragam bahasa Perancis	Kata Bantu Ragam bahasa Melayu
Ne pas vouloir	<i>enggan</i>
Vouloir	<i>hendak</i>
Vouloir	<i>mahu</i>
Pouvoir	<i>dapat</i>
Pouvoir	<i>boleh</i>
Devoir	<i>mesti</i>
Falloir	perlu (harus)
Vouloir (conditionnel)	harus
Vouloir (conditionnel)	ingin
Devoir	patut

Sumber: Mohd Nor Azan (2013)

ELEMEN MORFOLOGI LINGUISTIK DAN DAPATAN KAJIAN

Kata bantu ragam inti dalam ayat asas rajah 1 tidak menerima sebarang imbuhan akan tetapi akhiran kata bantu ragam dalam bahasa Perancis dikongjugasi mengikut kata ganti nama, jamak atau tunggal. Elemen morfologi akhiran tersebut juga mewakili kala waktu sintaksis dalam bahasa Perancis. Elemen morfologi akhiran ini ditakrifkan sebagai tanda gramatikal dan juga dikenali sebagai sufiks konjugasi. Contoh: *Il peut chanter* (Dia boleh menyanyi). *Je peux* (Saya boleh), *Tu peux* (Awak boleh), *Il peut* (Dia [lelaki] boleh). Akhiran *t* dalam konjugasi *Il peut* merupakan sufiks yang mewakili konjugasi kata ganti nama diri ketiga bergender maskulin. Boleh dirumuskan bahawa kedua-dua struktur ayat asas kata bantu ragam dalam rajah 1 mempunyai pola berikut: Kata bantu ragam + kata kerja penuh.

Kata bantu ragam Perancis–Melayu menyatakan makna ragam logik dan menguatkan makna ayat seperti *kehendak perlakuan*, *keupayaan perlakuan*, *kemestian* atau *keperluan*, *kemungkinan perlakuan*, *keengganan perlakuan* dan *kepastian perlakuan*. Kata bantu ragam Perancis adalah << *devoir*, *pouvoir*, *falloir*, *vouloir*. >> manakala kata bantu ragam Melayu mempunyai jumlah yang banyak dan fungsi bagi kedua kata bantu ragam bahasa boleh diklasifikasikan seperti berikut:-

- Kata bantu ragam yang menyatakan *niat* untuk melakukan sesuatu diwakili oleh kata bantu ragam berikut:
(*Vouloir*) << *mahu*, *hendak*, *ingin*.>>
- Kata bantu ragam yang menyatakan *kebarangkalian* diwakili oleh kata bantu ragam berikut:
(*Pouvoir*) < *boleh*, *mampu*, *dapat*. >
- Kata bantu ragam yang menyatakan *tanggungjawab* diwakili oleh kata bantu ragam berikut:
(*Devoir*) < *patut*, *mesti*, *harus*.>

Kata bantu ragam << *harus* >> et << *ingin* >> dalam bahasa Melayu berfungsi sebagai cara

conditionnel < *vouloir* > dalam bahasa Perancis. Hal ini kerana penggunaan kata bantu *ingin* atau *harus* merujuk kepada makna *tanpa paksaan* dan *bersifat sopan*. Contoh: *Je voudrais acheter un kilo de riz.*- Saya ingin membeli sekilo beras.

Pengkaji telah menyatakan bahawa kata bantu inti tidak menerima sebarang imbuhan dalam bahasa Melayu akan tetapi ada kata bantu ragam menerima imbuhan tertentu dalam ayat pasif yang menyebabkan perubahan fungsi gramatikal daripada kata bantu ragam kepada kata kerja pasif berimbuhan *di* lalu menukarkan tugas kata bantu ragam kepada kata kerja pasif. Contoh seperti di bawah:

a) *Kata Bantu Ragam*

a.1) *Saya mesti makan ubat.* → *Je dois prendre des médicaments).*

a.2) *Pelajar dimestikan mendaftar mata pelajaran dengan kod yang betul*³.

→ *Les étudiants sont tenus de s'inscrire dans les modules avec le code correct.*

Struktur kata bantu ragam dalam bahasa Melayu dalam < **a.1.** > adalah: *Subjek + kata bantu ragam + kata kerja penuh + pelengkap.*

Setelah diafiksikan kata bantu ragam (mesti [devoir] → di + mesti + kan (être obligé), maka kelas gramatikal berubah fungsi daripada kata bantu ragam kepada kata kerja pasif (**ayat a.2.**)

Elemen morfologi linguistik yang berbeza dalam pembentukan struktur ayat asas kata bantu ragam dimana dalam bahasa perancis kata bantu ragam inti menerima sufiks konjugasi akan tetapi kata kerja yang menuruti kata bantu ragam tersebut merupakan kata kerja penuh yang tidak dikonjugasi. Contoh: *Je peux chanter: Je* (subjek) + *peux* (peu-x (x-adalah sufiks kata ganti nama diri pertama)) + *chanter* (kata kerja penuh yang tidak dikonjugasi). Dalam bahasa Melayu pula, kata bantu ragam inti merupakan kata bantu penuh tanpa sebarang imbuhan akan tetapi kata kerja yang menuruti kata bantu ragam inti merupakan kata kerja yang berimbuhan penuh. Contoh : *Saya* (subjek) *boleh* (kata bantu ragam inti) *menyanyi* (kata kerja *nyanyi* yang menerima imbuhan awalan *me-*. Imbuhan *me-* beraglutinatif dengan kata kerja *nyanyi* lalu membentuk derivasi kata kerja terbitan *menyanyi*)

KESIMPULAN

Kajian mengenai perbandingan kata bantu ragam antara bahasa Perancis dan Melayu merupakan satu bidang perbandingan linguistik yang membantu para pembaca memahami perbezaan dan persamaan konstruksi tersebut. Pemahaman tersebut akan membolehkan para pelajar yang mempelajari bahasa Perancis bagi pelajar Malaysia mahupun bahasa Melayu bagi pelajar Perancis dapat memahami dengan mudah pembentukan struktur ayat kata bantu ragam dengan tepat dan gramatikal. Elemen konjugasi dan imbuhan yang disentuh dalam perbincangan perbandingan dapat mengukuhkan kefahaman terhadap pola elemen linguistik yang gramatis seperti dalam contoh perbandingan tersebut. Penulisan kajian perbandingan sedemikian dapat membantu pelajar yang akan membuat terjemahan bahasa terutama terjemahan daripada bahasa Perancis kepada bahasa Melayu dan sebaliknya.

³ <http://prpm.dbp.gov.my/> 18.01.2013 . 10.34.

BIBLIOGRAFI

- Ismail bin Dahaman. (2016). *Sistem Pembentukan Ayat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Irene M. Kalinowska. (2010). *Le verbe: mode et temps*. Groupe De Boeck. Bruxelles.
- Mohd Nor Azan Abdullah. (2013). *Thèse du doctorat: Étude Comparative Des Structures Et Des Systèmes Verbaux Du Francais Et Du Malais*, Université Du Franche- Comté, Besançon France
- Martin Riegel and Jean-Christophe Pellat, René. (1994). *Grammaire méthodique du français*. Press Universitaires de France. France
- Nathalie Garric. (2001). *Introduction à la linguistique*. Hachette. Paris
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood, (2009). *Tatabahasa Dewan*. DBP.Kuala Lumpur.
- Pierre LABROUSSE. (1984). *Dictionnaire General Indonesien- Francais*. INALCO Paris.
- Hasan Alwi. (2013). *Perbandingan antara Tatabahasa Dewan dengan Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia*. DBP. Kuala Lumpur.
- Yvan Gut dan Puteri Rashidah Megat Ramli.(2001). *Kamus Perancis Melayu Dewan*. DBP. Kuala Lumpur.